

Tabiat guna keretapi boleh dipulih

(R)

Oleh Azhar Abu Samah

22 SEP 1992

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin tabiat menggunakan perkhidmatan keretapi boleh dihidupkan semula di negara ini jika stesen keretapi dapat dibangunkan sebagai pusat membeli-belah seperti di terminal lapangan terbang.

Pada masa yang sama, pekerja Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) pula perlu menyaingi Penerbangan Malaysia (MAS) dalam melayan penumpang dan pelanggan.

Perdana Menteri berkata usaha itu bukan saja menguntungkan perkhidmatan keretapi, malah menjadikan perjalanan lebih menarik.

Katanya, sebelum pengangkutan jalan berkembang di negara ini, keretapi adalah yang menjadi pilihan utama kebanyakan rakyat.

“Malangnya, kemudian Keretapi Tanah Melayu (KTM) tidak berjaya bersaing dengan pengangkutan jalan. Sebenarnya keretapi mempunyai banyak keistimewaan yang tidak ada pada pengangkutan udara dan jalan,” katanya di upacara perasmian pelancaran Korporatisasi Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTM Berhad), di sini, petang ini.

Dr Mahathir berkata, untuk menggunakan pengangkutan udara, perjalanan pergi dan balik

dari lapangan terbang mengambil masa yang panjang dan penumpang terpaksa ada di lapangan terbang satu jam lebih awal.

Sebaliknya, beliau berkata dengan keretapi, penumpang boleh berjalan dari tengah bandar ke tengah bandar destinasi tanpa perlu datang ke stesen terlalu awal.

“Sebenarnya, perjalanan yang kurang dari 200 kilometer, keretapi lebih cepat daripada kapal terbang,” katanya.

Beliau berkata, begitu juga dengan pengangkutan jalan yang kerap penuh sesak dengan kereta dan perjalanan terhenti-henti kadangkala sehing-

ga sejam sedangkan keretapi dapat *right away* dan tidak perlu berhenti, jadual perjalanan tetap, tambang murah daripada penerbangan, malah lebih murah daripada menggunakan kereta sendiri.

Perdana Menteri berkata, banyak cara boleh dilakukan untuk menambah pendapatan khidmat keretapi seperti menyediakan perkhidmatan yang berpotensi seperti gudang (*bonded warehouse*), pelabuhan kering, lapangan kontena dan penghantaran bungkusan.

Justeru itu, katanya tidak ada sebab kenapa khidmat keretapi yang diswastakan ini tidak boleh meraih keuntungan.